

Krisis MCA, ekonomi jadi pertimbangan pilihanraya

Oleh MANJA ISMAIL

KUALA LUMPUR, Selasa — Krisis MCA dan keadaan ekonomi negara adalah antara faktor utama yang akan diambil kira oleh Umno dalam menentukan tarikh pilihanraya umum akan datang.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno malam tadi, bahawa pilihanraya itu boleh diadakan pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai.

"Krisis MCA, pergolakan politik semasa, termasuk di Sabah dan Sarawak telah dibincangkan bagi memilih tarikh yang sesuai untuk mengadakan pilihanraya.

"Ahli MT bagaimanapun telah memberi mandat penuh kepada saya, selaku presiden parti, untuk menentukan tarikh yang difikirkan sesuai.

"Setelah dibincangkan dengan panjang lebar, saya memutuskan pilihanraya akan diadakan pada bila-bila yang difikirkan perlu," katanya selepas mesyuarat tiga jam itu.

Penting

Perdana Menteri berkata, selain masalah politik, mesyuarat itu juga membincangkan soal ekonomi, perlembagaan baru dan disiplin Umno serta bagaimana hendak menguatkuasakan disiplin parti.

MT juga, katanya, mengambil kira keadaan ekonomi dalam negeri sebagai salah satu faktor bagi menetapkan tarikh pilihanraya.

"Dalam hal ini, kami berpendapat kerjasama yang erat antara kerajaan pusat dan kerajaan-kerajaan negeri adalah penting. Semua Menteri Besar dan Ketua Menteri telah bersetuju memberi kerjasama," katanya.

Mengenai strategi Umno dalam menghadapi pilihanraya, beliau berkata: "Kami membincangkan sedikit sebanyak mengenai strate-

Ditanya mengenai keputusan perbincangan mengenai pergolakan politik semasa, Perdana Menteri berkata: "Tidak ada sebarang keputusan dibuat mengenai pergolakan MCA dan politik Sabah."

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, mesyuarat MT itu hanya mengkaji dengan mendalam semua masalah bagi melihat kesan yang mungkin dihadapi bila mengadakan pilihanraya.

Ditanya pandangannya mengenai pergolakan MCA dan suasana politik Sabah sekarang, Perdana Menteri mene-

gaskan: "Sebahagian daripadanya adalah negatif dan ini menyebabkan agak sukar untuk menentukan tarikh pilihanraya."

Beliau berkata, pergolakan politik Sabah bagi menentukan siapakah Ketua Menteri yang sah dan pelbagai pertelingkahan harus diselesaikan dahulu, sebelum keadaan dianggap positif untuk menetapkan tarikh pilihanraya.

Ditanya mengenai pemilihan MCA Ahad ini, beliau menegaskan Umno tidak mencampuri urusan dalaman parti-parti komponen Barisan Nasional dan sebarang

20 NOV 1985

keputusan pemilihan itu adalah keputusan mereka.

Katanya, Barisan Nasional akan membincangkan perkembangan MCA di mesyuaratnya akan datang. Bagaimanapun, tarikhnya belum ditetapkan.

Suasana

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, MT juga memutuskan untuk mengadakan sambutan ulang tahun ke-40 parti itu secara besar-besaran di Johor pada 11 Mei tahun depan.

Selain itu, MT juga meluluskan permohonan Datuk Haji Abdul Rahman Ibrahim dari Bahagian Lipis untuk menyer-

tai semula Umno.

Sebelum itu, Datuk Seri Dr Mahathir menerima sekeping cek bernilai \$50,000 daripada Datuk Shahrir Samad sebagai sumbangan Umno Johor untuk Kompleks Umno.